



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“PEJABAT PTPTN CAWANGAN KLIA2 : PEMUDAHCARA ATASI SEKATAN PEMINJAM KE LUAR NEGARA”

- 1. Sepang, Selangor, 25 Mac 2017 – Majlis Perasmian Pejabat PTPTN Cawangan KLIA2 disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Ia bagi memberi kemudahan kepada peminjam PTPTN dan bertindak sebagai pemudahcara kepada peminjam terutama yang akan ke luar negara dan menghadapi masalah dalam membuat bayaran balik.**
- 2. Pejabat PTPTN Cawangan KLIA2 mulai beroperasi pada 1 Mac 2017 di Lot 3A, Balai Perlepasan (berhadapan Restoran Mamak) selama 24 jam, tujuh hari seminggu termasuk pada cuti umum. Seramai empat (4) Pengurus Cawangan dan lapan (8) Eksekutif Pemasaran telah ditempatkan untuk bertugas di Pejabat PTPTN Cawangan KLIA2 bagi membantu peminjam untuk berurusan. Selain berurusan di kaunter, peminjam juga boleh berbincang dan membuat rundingan melalui telefon di KLIA2 iaitu di talian 017 – 249 3000 / 017 – 276 3000 / 017 – 285 3000.**
- 3. Para peminjam boleh berbincang dengan pegawai PTPTN dengan lebih mudah dan cepat selaras dengan Kempen #BolehBincang yang baharu dilancarkan oleh YB Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN pada 23 Mac 2017 yang lalu. PTPTN sentiasa terbuka dan memberikan ruang untuk membantu menyelesaikan masalah bayaran balik peminjam PTPTN melalui pelbagai saluran perbincangan termasuklah di Cawangan KLIA2.**

4. PTPTN prihatin dan menyedari bahawa terdapat **peminjam yang ingin menyelesaikan pinjaman mereka tetapi kuarir tiada jalan penyelesaian tambahan pula tunggakan bayaran balik pinjaman mereka sudah terlalu tinggi. PTPTN mengalu-alukan peminjam tersebut untuk berbincang. Berbincang ialah proses perundingan di antara peminjam dengan pihak PTPTN di dalam menyelesaikan masalah bayaran balik mereka sama ada berkaitan amaun tunggakan mahupun amaun ansuran bulanan.**
5. Peminjam PTPTN yang menghadapi masalah sekatan ke luar negara di pintu-pintu masuk Balai Perlepasan perlu berbincang di Pejabat PTPTN Cawangan KLIA2 **selewat-lewatnya tiga (3) jam sebelum berlepas.** Ia bagi mengelakkan perkara-perkara di luar kawalan atau sebarang kesulitan yang tidak diinginkan yang menghalang proses perbincangan dan pelepasan senarai hitam sekaligus menyebabkan peminjam tidak dapat ke luar negara.
6. Setelah perbincangan dan rundingan selesai dilakukan oleh peminjam, mereka boleh terus **melaksanakan bayaran balik sebagaimana yang dipersetujui melalui atas talian (*online*) secara *cashless* yang mana lebih mudah, cepat dan selamat.** Kaedah inilah yang ingin PTPTN ketengahkan kepada peminjam. Kami amat memahami peminjam yang kadang kala tiada masa untuk hadir ke kaunter kerana bekerja atau berada jauh daripada pejabat-pejabat PTPTN. **Mudah dan amat membantu peminjam.**

TINDAKAN SENARAI HITAM IMIGRESEN

7. PTPTN melaksanakan senarai hitam imigresen di bawah **Peruntukan Seksyen 22A, Akta PTPTN 1997 [AKTA 566]** yang membenarkan PTPTN menyenarai hitam peminjam dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Tindakan senarai hitam ini menyebabkan peminjam **dihalang dari ke luar negara, tidak dibenarkan memperbaharui passport dan membuat passport baharu.**
8. Sehingga **31 Januari 2017**, daripada **1.9 juta peminjam PTPTN** seramai **586,863 peminjam telah disenaraihitam imigresen** melibatkan amaun berjumlah **RM11.6 bilion.** Daripada jumlah tersebut seramai **312,068 peminjam telah datang**

berunding dengan PTPTN dan mula membuat bayaran balik melibatkan amaun berjumlah RM967.9 juta.

9. PTPTN sebagai pembiaya utama negara turut **menasihatkan peminjam yang mempunyai tunggakan untuk menyelesaikan perbincangan atau rundingan dengan PTPTN lebih awal iaitu tujuh (7) hari sebelum ke luar negara.** Ia bertujuan untuk **memudahkan peminjam itu sendiri agar perjalanan dapat diteruskan dengan lebih lancar.**
10. Terdapat **peminjam PTPTN yang menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui nama mereka telah disenaraihitam imigresen.** Peminjam PTPTN akan **disenaraihitamkan sekiranya mereka mempunyai sebarang tunggakan bayaran balik.** Bagi peminjam PTPTN yang tidak mengetahui berkenaan status tunggakan, mereka boleh membuat **semakan dengan mudah secara *online* melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my iaitu di ruangan “Semakan Penyata Pinjaman”.**
11. PTPTN mendapati ramai peminjam PTPTN yang tidak menyedari mereka mempunyai tunggakan bayaran balik. Terdapat **empat (4) perkara yang menjadi penyebab utama peminjam mempunyai tunggakan** iaitu :
 - i) **Tidak pernah** membuat bayaran balik;
 - ii) Memulakan bayaran balik **lewat daripada jadual**;
 - iii) Membuat bayaran balik dengan **jumlah yang kurang daripada amaun ansuran bulanan** yang dijadualkan; dan
 - iv) **Jadual bayaran balik telah tamat** tempoh.
12. **Peminjam yang mempunyai empat (4) ciri di atas perlu segera berbincang dengan PTPTN.** Ini kerana sekiranya tunggakan tersebut tidak diselesaikan atau dibincangkan, **peminjam akan disenaraihitamkan daripada ke luar negara dan pada masa yang sama mempunyai rekod buruk di dalam rujukan kredit Bank Negara.**
13. Namun **sekiranya perbincangan dibuat dan diselesaikan, peminjam akan bebas daripada senaraihitam imigresen dan rekod di dalam rujukan kredit Bank Negara juga akan menjadi lebih baik.**

14. Peminjam boleh membuat **semakan senarai hitam** melalui saluran berikut:

- i) **Portal Rasmi** PTPTN dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- ii) **Careline** PTPTN di talian **03 - 2193 3000**; atau
- iii) Hadir di **kaunter** PTPTN / JIM.

15. Peminjam yang telah dikenakan tindakan senarai hitam imigresen tersebut dikehendaki **membayar keseluruhan hutang pinjaman atau keseluruhan tunggakan termasuk semua kos yang dikenakan sebelum nama mereka dikeluarkan daripada senarai hitam. Sekiranya tidak mampu, peminjam perlu berbincang segera dengan PTPTN bagi membuat bayaran apa-apa jumlah yang dipersetujui oleh PTPTN dan penstrukturan semula pinjaman atau kaedah lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Setelah rundingan dan bayaran di buat, peminjam akan diberikan pelepasan senarai hitam imigresen.**

16. PTPTN sentiasa membuat penambahbaikan perkhidmatan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada pelanggan. Pada masa ini **semua penghantaran notis dan peringatan dibuat melalui e-mel kerana kaedah ini adalah lebih baik, cepat dan berkesan. Apa jua status dan kedudukan bayaran balik pinjaman akan dimaklumkan kepada peminjam melalui e-mel. Bagi peminjam yang telah menyelesaikan tunggakan tetapi masih menerima notis, boleh mengabaikan notis tersebut sebagaimana kluasa yang tertera di dalam kandungan e-mel.**

17. PTPTN menyeru kepada **semua peminjam agar membuat pengemaskinian alamat e-mel masing-masing. Pengemaskinian ini boleh dibuat dengan mudah secara *online* melalui portal rasmi PTPTN di ruang "Kemaskini Emel & No. Telefon Peminjam".**

18. Dengan adanya pelbagai saluran perbincangan dan kemudahan yang disediakan ini, PTPTN mengharapkan lebih ramai peminjam PTPTN tampil berbincang dan berunding. **Segala permasalahan dapat diselesaikan dengan baik melalui perbincangan. Setelah rundingan selesai, mereka juga perlu membuat bayaran balik bulanan secara konsisten agar permasalahan tidak lagi berlaku.**

MOU PTPTN – AIRASIA

19. **PTPTN** turut melaksanakan **kolaborasi strategik dengan AirAsia** untuk menggalakkan bayaran balik pinjaman **PTPTN** dengan memperkenalkan kaedah bayaran balik menggunakan **BIG Prepaid MasterCard (Kad Prabayar Mastercard BIG)**.

20. Melalui kolaborasi ini, **Mata Ganjaran AirAsia BIG** telah ditawarkan (**RM2.00 = 1 Mata Ganjaran AirAsia BIG**) sebagai insentif untuk bayaran balik pinjaman menggunakan **BIG Prepaid MasterCard**. Promosi cabutan bertuah juga akan turut diadakan selama **3 bulan (1 April - 30 June 2017)** untuk pemegang **BIG Prepaid MasterCard** dengan hadiah utama berupa **100,000 Mata Ganjaran AirAsia BIG** yang ditaja khas oleh **AirAsia**.

21. Pemegang **BIG Prepaid MasterCard** boleh menggunakan **Mata Ganjaran AirAsia BIG** yang terkumpul untuk penebusan tiket penerbangan **AirAsia** dan bilik penginapan hotel-hotel terpilih. Setiap tempahan penerbangan **AirAsia** juga tidak akan dikenakan sebarang yuran pemprosesan dengan **BIG Prepaid MasterCard**. Disamping itu, pemegang kad ini juga kini boleh menyimpan sehingga **6 matawang yang berbeza dalam satu masa iaitu MYR, USD, EUR, GBP, AUD, dan SGD** dengan kelengkapan **Dompot Pelbagai Matawang (Multi Currency Wallet)**. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman sesawang **BIG Prepaid MasterCard** iaitu **www.bigprepaid.com**.

22. Dengan adanya kaedah pembayaran menggunakan **BIG Prepaid MasterCard**, **PTPTN** dan **AirAsia** berharap dapat meningkatkan bayaran balik pinjaman di kalangan peminjam **PTPTN**.